

Kegelapan hanya boleh diterangi dengan cahaya. Kebencian hanya boleh ditakhluk oleh cinta kasih.

-Sto. Yohanes Paulus II



Bacaan Injil Harian:

1 Sam 16: 1b, 6-7, 10-13a.

Mazmur 23: 1-3a, 3b-4, 5, 6 (1)

Efesus 5: 8-14

Yoh. 9: 1-41

Perkataan
mingguan

Adakah kita pilih
untuk tidak
melihat?

lalu yang dipersembahkan kepadanya tidak berkenaan dimata Tuhan. Dalam pemilihan Daud, kita di-ingatkan bahawa manusia melihat paras rupa, tetapi Tuhan melihat hatinya.

Kebutaan ini masih berlaku sehingga hari ini. Kita gagal melihat kemiskinan emosi seseorang disebalik pemakaian yang cantik dan kemewahan kereta mereka. Kita gagal melihat penderitaan disebalik perwatakan yang tabah oleh seorang ibu tunggal. Kita gagal melihat keperitan disebalik mata seorang remaja yang murung yang kehilangan harapan untuk menjalin hubungan dengan ibubapanya yang sentiasa sibuk.

Adakah kita mahu melihat? **Ataukah kita memilih untuk tidak melihat?** Bilakah kita akan melihat semua ini?

Dalam Injil hari ini, Yesus menyembuhkan seorang yang buta dengan mengarahkan dia untuk membersihkan dirinya di Kolam Siloam, dengan air liurNya dan tanah liat Yesus campurkan lalu meletakkan di mata orang buta itu. Sejurus selepas itu, lelaki itu mampu melihat. Sukacitalah!

Disebalik sukacita itu, ada juga khalayak ramai yang merendahkan dan mempersoalkan ketulenan penyembuhan itu. Kejadian itu memang dijangkakan. Tetapi kita tetap teruskan kepercayaan tanpa mengira apa keadaan sekalipun dengan bimbingan Tuhan Gembala kita. Walau kita berjalan di lembah kegelapan, kita tidak takut akan roh jahat. Tuhan itu beserta kita bersama tongkat gembalaNya dan memberi kita kekuatan.

Daud memberi kepercayaan iman yang penuh terhadap Allah dan melakukan apa yang diarahkanNya. Iman Daud itu menyenangkan hati Allah dan Allah pun memberi ganjaran kepada Daud atas kesetiaannya. Apabila kita hidup dalam cahaya terang, mampu dan rela melihat, kehidupan kita mampu memberi kebaikan, kebenaran dan kepercayaan. †

Newtbec



NEW WAY OF BEING CHURCH Hari Minggu Prapaska Ke-4

DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH

TEMA BULANAN:

Allah berkenan kepadaMu

*Hidup dalam Cahaya Tuhan
sebagai AnakNya*

Cara Tuhan itu berbeza daripada manusia. Tuhan melihat peribadi seseorang, dan kualiti seseorang itu dan tidak seperti kita manusia biasa. Cerita mana Tuhan memilih Daud, "seorang yang berkenaan dihatiKu" [Kisah Para Rasul 13:22] sebagai contoh. Seperti dalam kisah Samuel yang diberi tugas untuk memilih seorang raja,





GEREJA VISITATION
 85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542
 Fax : 06-7677544
 E-MEL : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr. Xavier Andrew
 Pembantu Paroki : Fr. Kenneth Gopal

TEMA TAHUN 2020
PERMURIDAN: DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN
Tema Bulan Mac 2020
Pelayanan / panggilan: Allah Berkenan
Kepadamu

WAKTU PEJABAT PAROKI
 Isnin - Jumaat: 8.30am - 5.30 pm
 Sabtu : 8.30am - 7.30 pm
 Ahad: 8.30 am - 3.00 pm
Pengakuan di gereja boleh dilakukan ½ jam sebelum misa mengikut kesediaan Paderi



PROGRAM KAMI 21 – 29 MAC 2020			
HARI MINGGU PASKAH KE - 4: 1 Sam 16, 1b 6-7, 10-13a Ps 22, 1-3a, 3b – 4, 5, 6 Eph 5, 8-14, Jn 9, 1-41, <i>"The Lord Is My Shepherd, There Is Nothing I Shall Want" (Psalm 22)</i>			
21	<i>Tiada Misa</i>	Rosary : 5.30 pm, Novena; 5.45 pm: Benediction Ekaristi (E)	
22		Ekaristi (T) Ekaristi (E) Ekaristi (C) Ekaristi (BM)	<i>Tiada kelas RE & RCIA</i>
23		Ekaristi	
24		Ekaristi	
25		Ekaristi	<i>(Annunciation of The Lord)</i>
26		Ekaristi	
27			
HARI MINGGU PASKAH KE-5: Ez 37, 12-14 Ps12*, 1-2, 3-4, 5-7a 7bc-8 Rom 8, 8-11 Jn 11, 1-45 <i>"With The Lord There Is Mercy And Fullness of the Redemption" (Psalm : 129)</i>			
28	<i>Tiada Misa</i>	Rosary : 5.30 pm : Novena; 5.45 pm: Benediction Ekaristi (E)	
29	<i>Tiada Misa</i>	Ekaristi (T) Ekaristi (E) Ekaristi (C) Ekaristi (BM)	<i>Tiada kelas RE dan RCIA</i>

Kami mengalu-alukan ahli Paroki/pelajar daripada Universiti/Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau emel kepada kami di serembanvisitation@gmail.com. Anda akan menerima Kad Doa

BERITA/ACARA BULAN MAC 2020

- i) Pungutan Mingguan :
14 / 15 Mar : Nil
Tuhan Berkati Semua Penderma
- ii) BECS untuk memastikan perkumpulan bulanan dilakukan dengan perkongsian daripada kertas Refleksi Bulanan

DOAKAN JIWA YANG TELAH PERGI:

John Ravi (d.o.d : 14/3/20)
Semoga cahaya kekal menyinari rohnya.

iii) **Bank Makanan PIHDM** : Terima Kasih diatas semua sumbangan yang telah diberikan kepada Bank Makanan. Untuk derma bulan Mac, Kami masih memerlukan Beras 5kg (38 pkts), sardin (84 tin), biskut (20 pkts), susu tepung (9 pkts), Milo (30 pkts), Minyak masak 2 kg (20 btls), tepung (26 pkts). Untuk maklumat lanjut sila hubungi PIHDM, John Davidson (017-6158961), Bernadette (012 2715840) Sila teruskan memberi sokongan anda

iv) **Pejabat Paroki akan ditutup pada 18 - 31 Mac 2020.**
 Sebarang kecemasan Nathan (012 6840750) atau Collins (016 3647506)

➤ **Kepada semua umat Paroki,**

Saudara/Saudari dalam Kristus,
Penangguhan Misa, Aktiviti Gereja dan sekarang Perintah Kawalan Pergerakan

Kita telah pun mengalami ketiadaan Misa pada hari Minggu yang lalu dan sekarang Perintah Kawalan Pergerakan telah diadakan.

Menurut surat yang dipersetujui oleh 3 Uskup Agung di Semenanjung Malaysia, Paderi paroki akan terus menjalankan Misa. Namun, ianya akan dijalankan secara tertutup. Oleh itu, sesiapa yang ingin membuat permohonan doa bolehlah berhubung dengan Paderi paroki untuk tujuan tersebut. Permohonan doa ini akan dijalankan setiap hari sehingga akhir bulan Mac.

Kepada sesiapa yang ingin memberi sumbangan kasih sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, adalah digalakkan untuk melakukannya melalui transaksi atas talian. Butiran adalah seperti berikut:

3121194612 (PUBLIC BANK BERHAD) - CHURCH OF VISITATION

Sila nyatakan maklumat berikut untuk perhatian dari pejabat paroki:-

1. Amaun
2. Tujuan :
 - a. Permohonan doa bagi (nama) - (arwah / kesyukuran atau permohonan khas)
 - b. Sumbangan kepada paroki / Naiktaraf ruangan adorasi

Sila hantarkan slip transaksi ke alamat email paroki serembanvisitation@gmail.com

- *Transaksi atas talian ini akan dijalankan sehingga 31 Mac 2020 sahaja atau sehingga perayaan Ekaristi diadakan semula.*

Mohon doakan semua yang terlibat terutama sekali kepada paderi paroki, Rev. Fr. Xavier Andrew, Fr. Kenneth dan semua Komuniti Paroki.

➤ **Siaran Langsung Misa Harian & hujung Minggu dari 18 - 31 Mac 2020 - Tonton siaran langsung di www.Tv.ArchKL.org**

Ahad : 7.30 am : Mass (in Tamil)	Isnin - Jumaat
9.00 am : Misa (Mandarin)	6.00 pm : Misa (English)
10.30 am : Misa (English)	7.00 pm : Misa (Bahasa)
12.00 pm : Misa (Bahasa)	

➤ Kami memerlukan sumbangan untuk mengubah suai ruangan Alkitab kepda **Ruangan Adorasi/Meditasi**. Untuk sementara waktu, sila gunakan transaksi atas talian.

Garis panduan upacara pengkebumian semasa Perintah Kawalan Pergerakan

- a) Tiada doa arwah hari ketujuh di kawasa perkuburan dan rumah. Keluarga boleh melakukan doa mereka secara tertutup. Buku akan disediakan oleh Paroki untuk kegunaan keluarga.
- b) Doa "vigil" dan Misa pengkebumian akan dilakukan oleh Paderi di rumah atau kawasan pengkebumian. Ini hanya terhad untuk ahli keluarga arwah mengikut arahan Kementerian Pertahanan Negara dan Menteri Kesihatan Malaysia.
- c) Langkah berjaga-jaga (penjagaan jarak dll) perlu di amalkan
- d) Semua upacara Perkahwinan sepanjang bulan Mac dan April dinasihatkan untuk ditunda kesuatu tarikh yang sesuai.